

## Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan: Pendekatan Dan Prosedur Tabung Haji Dalam Menangani Isu Melontar Jamrah

### *[Resolutions of the National Hajj Muzakarah: Tabung Haji's Approaches and Procedures in Addressing the Issue of Jamrah Stoning]*

**Mohd Shauqi Saiful Suhardi** (Corresponding author)

Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed  
Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, mohdshauqi@kuips.edu.my

**Basri Ibrahim**

Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed  
Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, bashim67@kuips.edu.my

**Fathullah Asni**

Islamic Studies Division, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,  
Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia, fathullah@usm.my

Article  
Progress:

Submission date:  
1 Dec 2024  
Accepted date:  
20 Dec 2024

#### **ABSTRACT**

*The National Hajj Muzakarah, organized by Tabung Haji (TH), serves as a crucial platform to discuss contemporary issues related to the performance of Hajj. However, some resolutions issued, particularly concerning the timing of jamrah stoning, have faced criticism from scholars. This article aims to analyze the approaches used by Tabung Haji in formulating Muzakarah resolutions and to examine the key factors influencing these decisions. This study adopts a qualitative methodology by analyzing documents such as Muzakarah working papers, meeting reports of the Hajj Advisory Committee, as well as relevant journal articles and theses. The findings reveal that the Muzakarah resolutions are significantly influenced by adherence to the Shafi'i school of thought, while also integrating key principles such as mashaqqah (mitigating hardship), darurah (necessity), and maslahah 'ammah (public interest). In specific situations, alternative opinions or reliance on other schools of thought are also considered to ensure that the performance of Hajj meets contemporary needs without compromising its validity according to Islamic law.*

**Keywords:** *Maslahah 'Ammah, Jamrah Stoning, Hajj Resolutions, Tabung Haji*

#### **PENDAHULUAN**

Ibadah haji, sebagai salah satu rukun Islam, wajib dilaksanakan oleh umat Islam yang memenuhi syarat *istito'ah* atau kemampuan, seperti yang dinyatakan oleh Al-Zuhaili (2015). Namun, pelaksanaannya kini berdepan pelbagai cabaran, antaranya perubahan dasar oleh Kerajaan Arab Saudi, pengurusan logistik yang kompleks, dan ancaman pandemik global. Cabaran-cabaran ini

menuntut penyelesaian yang bukan sahaja berlandaskan prinsip syarak tetapi turut mengambil kira realiti semasa berdasarkan keperluan jemaah (Dg. Hafizah, 2014; Mohd et al., 2020).

Sebagai institusi utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan perjalanan haji jemaah Malaysia, Tabung Haji (TH) memainkan peranan penting dalam menyediakan bimbingan, mengurus logistik, dan menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi oleh jemaah haji Malaysia (Tabung Haji, 2023). Salah satu inisiatif penting TH ialah Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan iaitu sebuah platform tahunan yang mengumpulkan pakar ibadah haji dan pembimbing haji untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah ibadah haji yang timbul setiap musim haji. Muzakarah ini juga menghasilkan resolusi yang menjadi panduan utama kepada jemaah haji dalam melaksanakan ibadah mereka (Mohd et al., 2020).

Walau bagaimanapun, beberapa resolusi Muzakarah, terutamanya berkaitan isu waktu melontar jamrah, telah menerima kritikan. Contohnya, keputusan Muzakarah yang membenarkan melontar sebelum waktu zohor pada hari tasyrik dikritik kerana dianggap tidak selari dengan sunnah Rasulullah SAW (Dg. Hafizah, 2009). Ini menimbulkan persoalan berkenaan apakah pendekatan yang digunakan dalam Muzakarah Haji dalam memutuskan resolusi-resolusi mereka serta apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut.

Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis pendekatan yang digunakan oleh Tabung Haji dalam menetapkan resolusi Muzakarah serta faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian terdahulu mengenai Tabung Haji lebih banyak menumpukan kepada aspek ekonomi, kewangan, dan sejarah institusi ini, manakala kajian khusus mengenai Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan masih agak terhad.

Sebagai contoh, Nurhasanah (2011) meneliti peranan Lembaga Tabung Haji dalam membantu umat Islam di Malaysia menabung secara patuh syariah untuk menunaikan haji, di samping peranannya dalam pelaburan dan pembangunan ekonomi negara. Ali & Ghani (2019) pula membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi Tabung Haji, termasuk kebimbangan masyarakat terhadap pengurusan kewangannya dan masa depan institusi ini. Zaidi & Hasnida (2021) pula mencadangkan model subsidi regresif sebagai langkah memperkukuh kelestarian kewangan bagi jemaah haji kali pertama, berasaskan data daripada *Household and Basic Amenities Survey 2019*.

Dalam konteks kewangan Islam, Daud et al. (2021) membincangkan aplikasi instrumen hibah dalam pengurusan dana Tabung Haji, yang dianggap penting bagi memastikan kepatuhan syariah. Dari perspektif sejarah, Maslan & Musa (2023) pula meneliti tabungan masyarakat Melayu untuk menunaikan haji pada era pelayaran kapal laut, termasuk cabaran kewangan yang dihadapi ketika itu.

Bagi isu fiqh ibadah haji, Dg. Hafizah (2014) membincangkan pendekatan Tabung Haji dalam menyelesaikan isu batal wuduk semasa tawaf. Azhari & Harun (2019) pula meneliti konsep *taysir* dalam resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan. Hanafi & Nur (2014) memberi tumpuan kepada garis panduan ibadah haji bagi kanak-kanak, manakala Shamsudin (2014) menganalisis amalan ibadah haji masyarakat Melayu dengan merujuk kepada sunnah Nabi Muhammad SAW.

Walaupun kajian-kajian ini memberikan pandangan penting tentang pelbagai aspek pengurusan dan pelaksanaan ibadah haji, kajian yang memberi fokus kepada Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan sebagai platform untuk merumuskan resolusi dalam menangani isu-isu spesifik seperti waktu melontar jamrah, masih terdapat kelompondan. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti pendekatan yang digunakan dalam pengeluaran resolusi Muzakarah serta faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan keputusan tersebut.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneliti prosedur pengeluaran resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Tabung Haji khususnya berkaitan isu waktu melontar jamrah. Data primer diperoleh melalui analisis dokumen seperti kertas kerja muzakarah, dan laporan mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji. Selain itu, sumber sekunder seperti jurnal akademik, tesis, dan kajian literatur turut dirujuk untuk memberikan konteks yang menyeluruh mengenai peranan dan pendekatan muzakarah dalam menangani isu-isu semasa berkaitan ibadah haji.

## **DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN**

### **Lembaga Tabung Haji dan Jabatan Haji**

Tabung Haji (TH) merupakan institusi utama yang bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan dan ibadah haji umat Islam di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 1969, TH beroperasi berdasarkan tiga teras utama, iaitu pengurusan haji, tabungan serta pelaburan patuh syariah (Tabung Haji, 2024).

Struktur organisasi TH terdiri daripada lapan jabatan utama, masing-masing memainkan peranan penting dan spesifik iaitu Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi, Jabatan Haji, Jabatan Pelaburan, Jabatan Kewangan Korporat dan Perkhidmatan, Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran, Jabatan Kewangan, serta Jabatan Teknologi Maklumat (Musmuliadi, 2016).

Antara semua jabatan ini, Jabatan Haji menjadi tunjang kepada operasi utama TH. Jabatan haji pula terdiri daripada pelbagai bahagian seperti Operasi Domestik, Pengurusan Haji, Bimbingan Haji, Agensi Haji, Penyelidikan dan Pembangunan Haji, dan Pejabat Konsul Haji (Tabung Haji, 2024).



Gambar Rajah 1.1: Antara bidang tugas Jabatan Haji di Malaysia

### Peranan Bahagian Bimbingan Haji

Bahagian Bimbingan Haji merupakan salah satu komponen penting bawah Jabatan Haji. Jabatan Haji bertanggungjawab menguruskan semua aktiviti berkaitan ibadat haji dengan matlamat memastikan jemaah dapat menunaikan ibadah haji dengan sempurna, selamat, dan kos efektif (Musmuliadi, 2016).

Bahagian Bimbingan Haji pula bertanggungjawab merangka program pendidikan dan latihan untuk jemaah haji. Bahagian ini menyediakan modul dan kursus bimbingan yang bertujuan meningkatkan pemahaman jemaah mengenai hukum-hakam ibadah haji serta persediaan logistik yang perlu dihadapi semasa di Tanah Suci. Kursus-kursus seperti kursus asas, kursus intensif, dan kursus perdana diadakan untuk memastikan jemaah memperoleh

pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi bagi melaksanakan ibadah haji dengan yakin dan tenang (Mohd et al., 2020 ; Tabung Haji, 2024).

Selain itu, Bahagian Bimbingan Haji ini juga menerbitkan bahan rujukan seperti *Soal Jawab Haji dan Umrah* dan *Fiqh Ibadat Haji, Umrah, dan Ziarah*, yang dirangka berdasarkan mazhab Syafie dan resolusi terkini Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan, bagi memberi panduan yang jelas kepada Jemaah (Dg. Hafizah, 2009).

Selain itu, Bahagian Bimbingan Haji juga melatih pembimbing haji, yang terdiri daripada ustaz, guru agama, dan individu berpengalaman, untuk membantu jemaah di Tanah Suci. Latihan merangkumi panduan resolusi muzakarah, kemahiran komunikasi, serta pengurusan masalah. Seiring dengan cabaran global seperti pandemik COVID-19, modul khas mengenai keselamatan dan kesihatan turut dimasukkan dalam kursus mereka (Tabung Haji, 2024).

Secara keseluruhannya, Bahagian Bimbingan Haji memainkan peranan yang kritikal dalam memastikan jemaah Malaysia bersedia secara holistik untuk menunaikan ibadah haji. Peranan ini bukan sahaja memperkukuh keberkesanan pengurusan haji oleh Jabatan Haji tetapi juga menyokong usaha Tabung Haji dalam membantu umat Islam Malaysia melaksanakan rukun Islam kelima dengan sempurna dan sesuai dengan kehendak syarak serta cabaran semasa.

### **Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan**

Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan merupakan salah satu program tahunan ilmiah yang dianjurkan oleh Bahagian Bimbingan Haji di bawah Tabung Haji (TH). Program ini bertujuan menyediakan pembimbing haji dengan maklumat terkini mengenai ibadah haji, hukum-hakam berkaitan, dan permasalahan semasa yang dihadapi oleh jemaah. Fungsi utama muzakarah ini adalah menyelaraskan panduan hukum-hakam untuk memastikan keseragaman penyampaian di seluruh negara, serta menyelesaikan isu-isu baru yang timbul setiap musim haji (Dg. Hafizah, 2009).

Pertama kali dianjurkan pada tahun 1986 di Kompleks Haji Kelana Jaya, muzakarah ini telah berkembang menjadi forum perbincangan yang efektif untuk membahas dan menyelaraskan hukum-hakam ibadah haji dan umrah. Setiap kertas kerja yang dibentangkan disediakan oleh Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji berdasarkan post-mortem dan maklum balas daripada pembimbing haji mengenai isu-isu semasa jemaah. Jawatankuasa ini memiliki autoriti penuh untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan hukum-hakam ibadah, dan

setiap keputusan harus mendapat persetujuan sebelum dilaksanakan (Anon, 2006; Rahman, 2008).

Objektif Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ialah menyeragamkan dan menyelaraskan penyampaian hukum hakam berkaitan ibadat haji, umrah, dan ziarah. Di samping itu, ia juga diharapkan dapat meningkatkan lagi keberkesanan bimbingan ibadat haji kepada jemaah haji. Di antara matlamatnya ialah:

- i. Menyeragamkan dan menyelaraskan penyampaian ibadat haji, umrah, dan ziarah serta hukum-hakam yang berkaitan dengannya kepada bakal-bakal haji.
- ii. Meningkatkan lagi keberkesanan bimbingan ibadat haji di kalangan pengkursus haji kepada bakal-bakal haji.
- iii. Memberikan penekanan kepada peserta Muzakarah Haji mengenai isu-isu semasa yang perlu diberi perhatian dalam kursus haji.
- iv. Mewujudkan kerjasama dan persefahaman dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura, dan Brunei, berkaitan urusan ibadat haji.

Matlamat muzakarah secara keseluruhannya ialah untuk memberi input dan kefahaman yang relevan kepada pengkursus haji mengenai hukum-hakam berkaitan ibadat haji, serta untuk mengelakkan perselisihan pendapat dalam kalangan pengkursus di Tanah Air dan Tanah Suci atas masalah berbangkit berhubung pelaksanaan ibadat haji (Dg. Hafizah, 2009).

#### **Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji dan Ahli Muzakarah**

Daripada sudut penglibatan, peserta Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan terdiri daripada para Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) atau Pembimbing Ibadah Tabung Haji (PIHTAS) yang dipilih melalui pencalonan dan cadangan dari setiap negeri. Ahli-ahli panel yang akan membentangkan kertas-kertas kerja selama muzakarah dijalankan terdiri dari ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji yang dilantik oleh Lembaga Tabung Haji. Seiring berjalannya waktu, muzakarah bertambah baik dengan melibatkan perwakilan dari luar negeri seperti Arab Saudi, Turki, Indonesia, Brunei, dan Singapura, yang ikut serta dalam muzakarah ini (Dg. Hafizah, 2009 ; Mohd et al, 2020).

### Penentuan Waktu Melontar dan Keputusan Resolusi Muzakarah

Melontar jamrah adalah salah satu rukun penting dalam ibadah haji yang wajib dilaksanakan dengan tertib. Menurut pandangan muktamad mazhab Syafie, waktu melontar bagi hari-hari tasyrik (11, 12, dan 13 Zulhijjah) bermula selepas gelincir matahari (zohor) sehingga terbenamnya matahari. Ini berdasarkan amalan Rasulullah SAW yang melontar selepas tergelincir matahari dan pandangan ini dianggap sebagai sunnah yang thabit.

Namun, perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mengenai waktu sah melontar jamrah muncul apabila melibatkan lontaran sebelum waktu zohor. Tiga pandangan utama ulama mengenai permulaan waktu melontar ialah:

i. Tidak Sah Sebelum Gelincir Matahari

Pandangan ini dianut oleh majoriti ulama mazhab Syafie, Malik, dan Ahmad. Mereka menegaskan bahawa melontar sebelum waktu zohor pada hari-hari tasyrik tidak sah, dan lontaran perlu diulang jika dilakukan sebelum waktu yang ditetapkan (Al-Ghamidi, 1419H)

ii. Sah Sebelum Gelincir Matahari

Sebahagian fuqaha, termasuk Ibn Abbas dan Ibn Zubair, membenarkan melontar sebelum waktu zohor dengan alasan mempermudah jemaah dan mengelakkan kesesakan. Pandangan ini, meskipun bukan muktamad, dianggap sebagai alternatif dalam situasi darurat (Harun, 2018).

iii. Kelonggaran Berdasarkan Hari

Sebahagian ulama membenarkan melontar sebelum zohor hanya pada hari tertentu, seperti 12 Zulhijjah bagi jemaah yang melaksanakan nafar awwal. Pandangan ini dianggap lebih spesifik dan bersandarkan keperluan praktikal (Al-Shal'an, 2010)

### Pendekatan dalam Pengeluaran Resolusi Muzakarah

Pada asasnya, penyelesaian yang digunakan bagi menangani setiap permasalahan ibadat adalah berdasarkan pendapat yang kuat dan muktamad dalam mazhab Syafie (Dg. Hafizah, 2014; Mohd et al., 2020). Hal ini merujuk kepada pernyataan pegangan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji,

*“Adalah menjadi pegangan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji untuk menganjurkan supaya jemaah haji berpegang kepada hujah-hujah yang berdasarkan kepada qawl-qawl mu'tamad jika tidak mendatangkan kemudaratan terhadap diri mereka”* (Laporan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, 1993).

Oleh hal yang demikian, secara keseluruhannya pendekatan atau metode penetapan hukum yang diguna pakai dalam permasalahan ibadat haji adalah merujuk kepada pandangan muktamad dan kuat dalam mazhab syafie. Namun dalam kes-kes tertentu, apabila terdapat halangan-halangan yang menyukarkan jemaah haji menyempurnakan ibadat haji mereka, pendapat-pendapat lain dari mazhab Syafie dipilih sebagai alternatif untuk mengatasinya. Hal ini merujuk pada pernyataan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji berikut:

*“Dalam kes-kes yang tertentu, setelah Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji mengkaji dengan teliti, apabila jemaah haji tidak berupaya melaksanakan kerja-kerja haji mengikut qawl yang mu’tamad dan untuk maslahat umum seperti mengelakkan kesesakan, menjaga keselesaan pesakit-pesakit dan menjamin keselamatan jemaah haji yang merupakan sesuatu yang boleh menimbulkan kesusahan kepada jemaah haji, maka Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji menganjur dan memandu jemaah haji beramal dengan qawl-qawl lain atau qawl yang daif atau bertaklid kepada mazhab-mazhab yang mu’tabar (Laporan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, 1993)”*

Tabung Haji pada asalnya mematuhi pandangan muktamad mazhab Syafie, iaitu waktu melontar hanya sah selepas tergelincir matahari. Namun, tragedi Mu’aisim pada tahun 1990 yang menyebabkan lebih 1,400 kematian akibat kesesakan membawa kepada perubahan pendekatan. Tabung Haji, melalui Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan, memutuskan untuk membenarkan melontar selepas waktu subuh pada hari-hari tasyrik. Keputusan ini berdasarkan pandangan daif dalam mazhab Syafie yang dikemukakan oleh Imam Isnawi dan Rafi’i (Harun, 2018). Keputusan ini dibuat atas dasar menjaga keselamatan jemaah, terutama bagi warga emas dan mereka yang kurang upaya. Melontar pada waktu subuh membantu mengurangkan risiko rempuhan dan meminimumkan pendedahan kepada cuaca panas terik. Prinsip *mashaqqah* (kesukaran) dan *darurah* (darurat) digunakan bagi membenarkan kelonggaran ini, dengan mengambil kira keadaan yang boleh menjejaskan keselesaan dan keselamatan jemaah.

Di samping itu, keputusan ini juga mempertimbangkan *maslahah ‘ammah* (kepentingan umum) bagi memastikan kelancaran pergerakan jemaah tanpa menjejaskan keabsahan ibadah. Dengan langkah ini, Tabung Haji berjaya mengelakkan kesesakan besar di kawasan melontar, sekali gus menyediakan persekitaran yang lebih selamat dan selesa bagi semua jemaah.

## Faktor yang Mempengaruhi Pengeluaran Resolusi Muzakarah

Menurut beberapa pengkaji, keputusan Lembaga Tabung Haji melalui resolusi muzakarah dipengaruhi oleh beberapa faktor (Dayang, 2014; Mohd et. al., 2020), iaitu:

### 1. Keterikatan terhadap Mazhab Syafie

Keterikatan kepada mazhab Syafie memainkan peranan penting dalam pengeluaran resolusi muzakarah. Sejarah perkembangan mazhab ini di Malaysia, yang disebarkan melalui pendidikan dan perundangan, menjadikannya aliran fiqh utama dalam kalangan masyarakat tempatan (El-Muhammady, 2007). Sebagai contoh, Akta 505, iaitu Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan 1993, mengutamakan pandangan muktamad mazhab Syafie dalam pengeluaran fatwa, dengan pengecualian kepada rujukan mazhab lain hanya dalam situasi darurat.

Dalam konteks Muzakarah Haji, keterikatan ini dapat dilihat dalam pendekatan Jawatankuasa Penasihat Haji melalui laporan-laporan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan. Walaupun terdapat ruang untuk bertaklid kepada pandangan mazhab lain, namun syarat yang dikenakan sangat ketat di mana bertaklid kepada mazhab lain hanya dibenarkan dalam keadaan darurat sahaja. Penerimaan taklid kepada mazhab lain hanya berlaku jika para jemaah tidak dapat melaksanakan ibadat mengikut *qawl*/muktamad dalam mazhab Syafie. Sementara itu, pemilihan pandangan pula lebih melihat kepada pandangan yang lebih praktikal dan mirip kepada pandangan mazhab Syafie, seperti dalam isu batal wuduk saranan bertaklid adalah kepada cara bersuci mazhab Hambali kerana tatacara wuduknya yang lebih hampir dengan tatacara wuduk mazhab Syafie (Dg. Hafizah, 2014).

Kesan keterikatan ini juga dapat dilihat dalam penerimaan *qawl majjuh* mazhab Syafie dalam isu batal wuduk. Jika sebelumnya, Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji menjelaskan konsep *daif* yang diterima ialah *daif muqabil al-asah*, tetapi dalam menangani permasalahan wuduk penggunaan *qawl majjuh* dalam mazhab Syafie juga diterima dan diperluaskan penggunaannya (keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Ibadat, 2006).

### 2. Pengaruh *Hajah*, *Mashaqqah*, *Darurah*, dan *Maslahah ‘ammah*

Resolusi yang dihasilkan juga dipengaruhi oleh prinsip *mashaqqah* (kesukaran), *darurah* (keadaan darurat), dan *maslahah ‘ammah* (kepentingan umum). Prinsip ini mengutamakan kelonggaran dan kemudahan dalam ibadah haji, selaras dengan konsep Islam yang menolak bebanan berlebihan kepada umatnya (Al-Qaradawi, 2022).

Pertimbangan berasaskan *mashaqqah* ini bersesuaian dengan konsep *raf'u al-haraj* iaitu memberi kemudahan kepada jemaah haji dengan menghindarkan sebarang *mashaqqah* yang dihadapi dalam pelaksanaan ibadat (Suhardi et. al., 2020). Ini sepertimana firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya:

“Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama”. (Surah Al-Haji: 78)

Contohnya, Muzakarah Haji mempertimbangkan perubahan dalam resolusi seperti keharusan melontar sebelum tergelincir matahari. Pendekatan ini bertujuan memberikan kemudahan kepada jemaah tanpa menjejaskan sahnya ibadah mereka (Dg. Hafizah, 2009).

### 3. Mengelakkan Kecelaruan dalam Tatacara Ibadat

Salah satu faktor lain yang mempengaruhi resolusi ialah usaha untuk mengelakkan kecelaruan dalam amalan ibadah jemaah. Muzakarah Haji cenderung mengekalkan pandangan mazhab Syafie sebagai panduan utama, dengan tujuan menyelaraskan tatacara ibadah yang diamalkan oleh jemaah.

Pertikaian mengenai hukum seperti wuduk atau tawaf, khususnya dalam kalangan jemaah yang mempunyai latar belakang kefahaman berbeza, boleh menimbulkan kebimbangan dan kekeliruan. Oleh itu, bertaklid kepada mazhab lain tidak digalakkan kecuali dalam keadaan tertentu, manakala pandangan *marjuh* atau *daif* dalam mazhab Syafie tetap diberikan keutamaan untuk mengekalkan keseragaman (Laporan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, 2005).

Pendekatan dan penyelesaian yang diambil oleh Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji mempertimbangkan tahap pemahaman jemaah dalam memahami permasalahan ibadat secara umum dengan meletakkan aras awam iaitu tahap pertengahan dan ke bawah. Selain itu, setiap pendekatan turut mengambil kira ketidakselesaian jemaah Malaysia yang majoritinya bermazhab Syafie untuk mengamalkan pandangan mazhab lain (Ghani, 2007).

Faktor-faktor ini menunjukkan pendekatan fleksibel yang diambil oleh Muzakarah Haji dalam pengeluaran resolusi. Keutamaan kepada mazhab Syafie, pertimbangan *mashaqqah* dan *darurah*, serta usaha untuk mengelakkan kecelaruan memastikan bahawa resolusi yang dihasilkan sesuai dengan keperluan semasa jemaah, sambil mengekalkan kesahan hukum syarak.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Tabung Haji memainkan peranan strategik dalam menangani isu-isu semasa berkaitan ibadah haji, khususnya dalam menentukan resolusi yang relevan dan praktikal bagi jemaah Malaysia. Pendekatan yang diambil oleh Muzakarah berasaskan prinsip maqasid syariah, seperti *mashaqqah* (mengurangkan kesukaran), *darurah* (keadaan darurat), dan *maslahah ‘ammah* (kepentingan umum), menunjukkan keanjalan hukum Islam dalam menghadapi cabaran semasa tanpa menjejaskan keabsahan ibadah.

Keputusan membenarkan melontar sebelum waktu zohor pada hari-hari tasyrik, misalnya, mencerminkan keprihatinan Tabung Haji terhadap keselamatan dan kebajikan jemaah. Walaupun terdapat perbezaan pandangan, resolusi ini membuktikan keberkesannya dalam mengurangkan kesesakan dan memastikan pelaksanaan ibadah berjalan lancar. Namun, Tabung Haji menekankan bahawa keputusan ini perlu digunakan secara berhemat dan hanya apabila diperlukan, terutama bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan jemaah.

Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan kekal sebagai mekanisme penting yang menyokong usaha Tabung Haji dalam memastikan pelaksanaan ibadah haji oleh jemaah Malaysia terus tersusun, aman, dan selaras dengan kehendak syarak. Dengan pemantapan resolusi yang berterusan, Muzakarah diharap dapat terus relevan dalam menangani cabaran-cabaran baharu dalam konteks global yang sentiasa berubah.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan dorongan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Ucapan terima kasih khas jutaan terima kasih dihulurkan kepada pihak MAIPs atas tajaan dana Biasiswa Pengajian Tinggi MAIPs (BPTM). Begitu jua pihak Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) yang menyokong kerja penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Ab. Ghani, A. (2007). Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Ibadat di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4, 185–196. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/fiqh/article/view/4130>
- Abdullah, T. A. R. (2001). Lembaga Tabung Haji: Suatu Kajian Sumbangan terhadap Ekonomi Umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur [Tesis].

- Ali, M., & Abdul Ghani, N. (2019). *Tabung Haji: Public Concern and Future Direction. Islam and Civilisational Renewal*, 10(2), 135-150.  
<https://icrjournal.org/index.php/icr/article/view/80>
- al-Ghamidi, H. M. (1419H). *Al-Taysir fi Wajibat al-Hajj* (Tesis sarjana). Universiti Umm al-Qura, Mekah, Arab Saudi.
- al-Shal'an, A. N. (2010). *Al-Nawazil fi al-Hajj*. Riyadh: Dar al-Tawhid Li al-Nashr
- Azhari, R., & Harun, A. S. (2019). Aplikasi Al-Taysir dalam Ibadat Haji dan Umrah Berdasarkan Keputusan Muzakarah Haji Kebangsaan. *Jurnal Fiqh*, 16(2), 225-252.
- al-Zuhaili, M. (2015). *al-Mu'tamad fi fiqh al-shafi'i*. Dansyik: Darul Qalam.
- Daud, N. M., Ahmad, S., & Zainal, N. (2021). Aplikasi instrumen hibah dalam sistem kewangan Islam: Kajian kes Tabung Haji. *Jurnal Muamalat*, 14(2), 80-95.
- Dg. Hafizah, A. B. (2009). Analisa isu-isu permasalahan ibadat semasa melaksanakan ibadat haji: Penumpuan terhadap laporan-laporan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan [Tesis Sarjana Pengajian Islam]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dg. Hafizah, A. B. (2014). Isu batal wuduk semasa tawaf: Analisis pendekatan Tabung Haji. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 20, 127-144.
- El-Muhammady, A. (2007). Pengaruh Mazhab Syafie dalam Pemikiran Fiqh di Malaysia. *Jurnal Islamiyyah*.
- Hanafi, T. H. L. H. H., & Nur, A. M. M. (2014). Garis panduan pelaksanaan ibadah haji dan umrah kanak-kanak: Satu penjelasan menurut fiqh Islami. *Jurnal JAWHAR*, 8(1), 91.
- Juanda, J. (2017). *Fiqh Haji, Umrah Dan Haji*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Laporan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji. (1993). Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan.
- Laporan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji. (2005). *Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Kedua Puluh Dua*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Laporan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji. (2006). *Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Kedua Puluh Dua*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.

- Maslan, M. N., & Musa, M. (2023). Tabungan haji orang Melayu semasa era pelayaran kapal laut: Isu dan cabaran kewangan. *Jurnal Sejarah Islam*, 18(1), 100–115.
- Mohd, H., Jamalluddin Hashim, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, & Hannan Fatini Md Reshad. (2020). Metode Bimbingan Lembaga Tabung Haji Terhadap Jemaah Haji Malaysia: Satu Penilaian Awal. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 55-67.
- Mohd, M. L. A. R. (2008). Pengenalan Bahagian Bimbingan Haji Lembaga Tabung Haji.
- Musmuliadi, K. (2016). *Konsep Pengurusan Kepadatan Manusia Berteraskan Islam: Kajian Kes Konsep Pengurusan Kepadatan Jemaah Haji Lembaga Tabung Haji di Mekah* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia). Retrieved from <https://eprints.usm.my/32226/>
- Nurhasanah. (2011). Peranan Tabung Haji dalam perspektif ekonomi Islam. *Jurnal Ekonomi Islam*, 5(2), 123–135.
- Rizalman, M. (2016). *Maqasid ibadah haji dalam perspektif sunnah: Kajian terhadap kefahaman dan amalan jemaah haji Malaysia* (Tesis kedoktoran). Universiti Malaya.
- Shamsudin, R., Maslan @ Baharudin, A., & Mat Akhir, N. S. (2014). Ibadah haji masyarakat Melayu: Antara sunnah dan amalan kebiasaan. *Sains Humanika*, 3(1), 67–76. <https://doi.org/10.11113/sh.v3n1.529>
- Suhardi, M. S. S., Harun, M. S., & Nasri, M. S. (2020). Analisis Isu Safar Wanita tanpa Mahram dari Perspektif Maqasid Al-Shari'ah. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 74-83.
- Tabung Haji. (2024). Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji 2024. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Tabung Haji. 2023, Mac 02. Retrieved Mac 02, 2023, from Tabung Haji: <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/korporat/informasi-korporat/tentang-kami>
- Wahid, Z. A. A., Ibrahim, Y., & Hassan, M. A. (1993). Sejarah Perkembangan Tabung Haji 30 Tahun. Jabatan Perdana Menteri.
- Wan Mahmud, W. Z., & Abdul Hamid, F. @ A. F. (2018). Historical Development of Pilgrimage from Malaya (1400-1900 Century). *Al-Muqaddimah: Online Journal of Islamic History and Civilization*, 6(2), 31–41.

Zaidi, M. A. S., & Hasnida, H. (2021). Why the 'one-size-fits-all' subsidy structure of Tabung Haji no longer works and how to move forward. *Islam and Civilisational Renewal*, 12(1), 100-115. <https://doi.org/10.52282/icr.v12i1.202>